

Perang Iraq: Kerajaan jamin rakyat tidak hilang pekerjaan

Oleh SHAHBULLAH MOHD. DARWI

UM 18 FEB 2003

KUALA LUMPUR 17 Feb. — Kerajaan hari ini memberi jaminan pekerja tempatan tidak akan kehilangan pekerjaan sekiranya berlaku perang di Iraq yang mungkin mengakibatkan pengangguran dan kegawatan ekonomi dunia.

Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn berkata, kementerian telah merangka pelan kecemasan yang antara lain mengarahkan semua majikan tidak memberhentikan pekerja tempatan.

“Kita telah hubungi semua majikan untuk maklumkan pelan kecemasan agar mereka tidak memberhentikan pekerja tempatan dan memberi keutamaan kepada golongan ini dari segi peluang pekerjaan jika perang meletus,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas langkah kementerian dalam menghadapi kemungkinan peningkatan kadar pengangguran ekoran daripada kegawatan ekonomi dunia jika Amerika Syarikat (AS) menyerang Iraq.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaludin Jarjis baru-baru ini berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad akan mengumumkan pakej penyusunan semula ekonomi negara akhir Mac ini.

Jamaluddin berkata, ia sebagai langkah menangkis kesan kegawatan terhadap Malaysia jika perang itu meletus.

Menurut Jamaludin, pakej itu juga adalah sebahagian daripada strategi jangka sederhana dan panjang dalam usaha memastikan ekonomi negara kekal berdaya saing.

Antarabangsa

Mengulas lanjut, Chan Onn berkata, kerajaan yakin bahawa pelan kecemasan itu dapat memelihara golongan pekerja tempatan walaupun peperangan itu dijangka memberi kesan kepada sektor sumber manusia negara.

Ini kerana, katanya, ketidakstabilan ekonomi antarabangsa mempunyai pengaruh kuat terhadap pasaran kerja di semua negara.

Katanya, kementerian telah menjelaskan pelan tindakan yang perlu diambil oleh para majikan sebagaimana yang terkandung dalam pelan kecemasan kementerian bagi menghadapi kesan perang itu.

“Pelan kecemasan disediakan bagi menghadapi kemungkinan perang di Iraq meletus. Tetapi kita berharap kejadian sedemikian tidak berlaku,” jelasnya.

Beliau berkata, pelan itu antara lain mengemukakan alternatif kepada majikan termasuk memberi cuti kepada pekerja jika permintaan bagi pengeluaran menurun.

“Kita akan pastikan bahawa jika ada kilang yang terjejas (kerana perang itu) mereka akan melakukan langkah-langkah tertentu seperti mengurangkan tempoh masa beroperasi atau memberi cuti kepada pekerja,” katanya.

Justeru, Chan Onn berkata, tidak akan ada majikan yang memberhentikan pekerja tetapi hanya mengurangkan tempoh masa bekerja sekiranya keadaan begitu mendesak.

“Kita sudah hubungi semua majikan kerana kerajaan mahu pekerja tempatan diberi keutamaan dan perlindungan,” katanya.